



**JABATAN WARISAN NEGARA  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

**INVENTORI**



**KATEGORI : OBJEK WARISAN**

**JENIS : WARISAN TIDAK KETARA**

**OBJEK WARISAN : BUDAYA SARAPAN MALAYSIA**

## **1. PENGENALAN**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian masyarakat. Kerencaman masyarakat ini telah membawa kepada wujudnya pelbagai elemen budaya yang berlainan antara satu kaum dengan kaum yang lain, namun masih boleh diterima, dikongsi serta dipindahkan secara formal atau tidak formal dalam kalangan anggota masyarakat. Kewujudan budaya ini telah terhasil daripada ilmu pengetahuan, pengalaman, kepercayaan, nilai, sikap, pegangan agama, waktu, peranan serta hubungan yang dipelajari dan diperolehi melalui masyarakat dari generasi dahulu ke generasi kini.

Asimilasi budaya merupakan salah satu aspek yang sering ditonjolkan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum atau etnik. Asimilasi budaya merujuk kepada proses perubahan kebudayaan dan pinjam-meminjam unsur kebudayaan antara dua kumpulan yang berlainan tradisi. Namun, pinjaman budaya yang terjadi ini tidak mengubah budaya asal atau menyebabkan kehilangan budaya asal kaum atau etnik yang meminjam.

Pinjaman budaya boleh berlaku dalam pelbagai aspek kerana budaya tidak bersifat statik dan boleh berubah mengikut penyesuaian dalam kehidupan masyarakatnya. Budaya makan merupakan salah satu bentuk asimilasi budaya yang telah berlaku di Malaysia. Sebagai sebuah negara kosmopolitan, Malaysia mempunyai potpuri budaya makan yang istimewa. Masyarakatnya bukan sahaja boleh saling menikmati kemewahan makanan yang ada, malahan boleh berkongsi dan menerima cita rasa makanan yang sama. Peminjaman budaya makanan merentasi etnik di Malaysia telah membolehkan masyarakat menikmati makanan kaum lain tanpa sebarang sentimen perkauman. Asimilasi yang berlaku dalam budaya makan menyebabkan masyarakat Malaysia sentiasa terbuka untuk mempelajari, meminjam dan boleh menerima perbezaan budaya yang ada serta manfaat yang wujud di sebaliknya.

## **2. HUBUNGAN ANTARA BUDAYA MAKAN DAN MASYARAKAT**

Makanan bukan sahaja berperanan untuk memenuhi keperluan fisiologi tetapi juga mampu membentuk satu budaya. Kemunculan budaya makan boleh dipengaruhi oleh faktor asal usul makanan tersebut, sama ada makanan tersebut terhasil daripada ciptaan penduduk tempatan atau kewujudan makanan ini kesan daripada hubungan diplomatik, kedatangan atau penghijrahan masyarakat luar.

Budaya makan merujuk kepada amalan, sikap, kepercayaan serta rangkaian dan institusi yang mengelilingi proses pengeluaran, pengedaran, dan penggunaan makanan. Kewujudan budaya makan ini melibatkan hubungan, kepercayaan dan pengalaman yang berkait dengan pemakanan yang diamalkan oleh anggota masyarakat.

Budaya makan bersifat relatif dengan masyarakat kerana tidak ada budaya yang boleh wujud secara sendiri tanpa adanya masyarakat sebagai pengamalnya. Kelompok masyarakat yang akan memainkan peranan memperkembangkan budaya makan tersebut sehingga menjadi satu norma dan tradisi dalam kehidupan serta diamalkan secara bersama di antara anggota masyarakatnya.

Budaya makan dipraktikkan melalui cara hidup yang diamalkan oleh orang-orang yang menjadi anggota kumpulan masyarakat tertentu. Kebiasaannya, budaya ini berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat lain disebabkan oleh faktor seperti sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, pegangan agama dan kepercayaan, pantang larang adat, sikap, nilai, pengalaman, kesihatan di samping faktor geografi, iklim dan alam sekeliling. Faktor ini telah memainkan peranan dalam membentuk dan mencorak budaya makan tersebut sesuatu masyarakat.

Budaya makan masyarakat Malaysia diwarisi turun temurun melalui proses sosialisasi makanan selain perubahan pola budaya pemakanan yang diwarnai dengan imperialisme cita rasa daripada Barat, Timur Tengah dan negara-negara lain. Sosialisasi adalah proses di mana seseorang individu mempelajari dan menerima nilai, sikap, kemahiran yang dipunyai oleh masyarakat bagi membentuk personalitinya yang tersendiri untuk menjadi ahli dalam masyarakat tersebut.

Pola perkembangan budaya makan yang diamalkan masyarakat adalah berbeza antara satu etnik dengan etnik yang lain. Justeru, untuk meninjau perkembangan budaya makan, perlu melihat kepada masyarakat serta interaksi mereka dengan persekitaran di mana budaya makan itu wujud dan dilahirkan.

### **3. BUDAYA SARAPAN MALAYSIA: PENGALAMAN MENJAMU SELERA MASYARAKAT PELBAGAI ETNIK**

Pengambilan sarapan pagi merupakan perkara yang telah menjadi kelaziman dalam kehidupan harian masyarakat di Malaysia. Memulakan hari dengan mengambil sarapan adalah penting untuk kesihatan, menjadi penjana tenaga untuk kegiatan seseorang sepanjang hari, membolehkannya melakukan aktiviti dengan cergas dan produktif selain mampu menimbulkan suasana "mood" yang baik disepanjang hari tersebut.

Penginterpretasi mengenai Budaya Sarapan Malaysia adalah berkait dengan amalan pemakanan sarapan yang telah menjadi kelaziman dalam kehidupan seharian dan dikongsi bersama oleh masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Amalan pengambilan sarapan Budaya ini telah berkembang menjadi satu bentuk tradisi yang meraikan kepelbagaian budaya Malaysia yang mana anggota masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai etnik akan saling menikmati dan

berkongsi pilihan makanan sarapan pagi istimewa yang sama, secara bersama-sama ada di rumah atau di premis yang menjual makanan.

Budaya Sarapan telah berkembang sehingga menjadi satu komponen penting yang mencerminkan identiti masyarakat Malaysia. Budaya ini juga telah menjadi satu elemen warisan yang hidup kesan daripada tradisi pemakanan yang telah lama dipraktikkan oleh masyarakat sejak dari generasi dahulu hingga kini, yang ditonjolkan melalui pengambilan makanan tradisional yang sering dimakan oleh masyarakat pelbagai kaum seperti Nasi Lemak, Roti Canai dan Teh Tarik. Santapan pagi tradisi pilihan rakyat Malaysia ini telah memainkan peranan penting yang membawa kepada kewujudan Budaya Sarapan Malaysia.

#### **4. BUDAYA SARAPAN MALAYSIA: FUNGSI SOSIAL DAN BUDAYA**

Pengamalan Budaya Sarapan Malaysia telah berlaku secara meluas di seluruh pelusuk negeri, dari kawasan luar bandar ke bandar, dalam ruang dan suasana yang berbeza. Budaya Sarapan Malaysia ini telah bermula dari kalangan ahli keluarga iaitu melalui penyediaan makanan oleh ibu kepada ahli keluarga yang lain. Budaya ini kemudiannya berkembang apabila banyak premis menjual makanan sarapan pagi seperti warung tepi jalan, kedai makan, restoran atau hotel di buka di serata tempat, juga berperanan sebagai medan atau tempat pertemuan antara kaum.

Kewujudan Budaya Sarapan Malaysia telah melangkaui hubungan sosial sedia ada dalam kalangan masyarakat berbilang etnik. Pengamalan budaya makanan ini telah menyebabkan berlakunya interaksi sosial antara komuniti masyarakat. Secara khusus, budaya ini telah membawa kepada kewujudan satu ruang atau medan untuk masyarakat bersosial pada waktu pagi. Dalam pengamalan Budaya Sarapan Malaysia, telah menjadi senario yang biasa dilihat, rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosio-ekonomi boleh berkumpul dan bergaul sambil menikmati makanan sarapan pagi tradisi. Di medan pertemuan ini juga, mereka telah berkongsi cita rasa makanan yang sama meskipun lahir daripada latar belakang yang berlainan.

Selain itu, pengamalan Budaya Sarapan Malaysia turut memberi sumbangan dalam memperkukuhkan fungsi sosial dan perpaduan rakyat di Malaysia. Praktis budaya makan ini telah membolehkan rakyatnya saling menerima dan menghormati perbezaan budaya yang ada tanpa mengira etnik. Penerimaan dan perkongsian Budaya Sarapan Malaysia dalam kalangan masyarakat juga telah menjadi asas kepada pembangunan modal sosial yang dapat mengukuhkan semangat kekitaan dan keharmonian antara masyarakat berbilang etnik di Malaysia. Budaya makan yang telah menjadi cara hidup masyarakat ini juga mampu membina rasa

kebersamaan, pemahaman, penghormatan, persahabatan dan semangat menjadi rakyat Malaysia.

Kepelbagaian interaksi antara masyarakat dan budaya yang telah berlaku selama ratusan tahun dahulu telah mencipta hidangan asli sarapan Malaysia yang dikongsi dan diterima secara bersama oleh semua masyarakat. Justeru, terdapat beberapa makanan yang telah dilihat memainkan peranan yang cukup besar dalam memupuk perpaduan kaum di Malaysia. Antaranya ialah Nasi Lemak, Roti Canai dan Teh Tarik yang juga merupakan makanan tradisi dalam Budaya Sarapan Malaysia.

Penyediaan dan pengambilan makanan sarapan pagi seperti Nasi Lemak, Roti Canai dan Teh Tarik walaupun pada asalnya diamalkan oleh kumpulan etnik tertentu namun kini digemari oleh semua tanpa mengira latar belakang etnik. Nasi Lemak yang dari dahulu sinonim sebagai sarapan tradisi orang Melayu telah diterima dan menjadi kegemaran kaum Cina dan India. Tidak boleh diketepikan, kombinasi antara Roti Canai dan Teh Tarik juga turut dinikmati oleh masyarakat berbilang bangsa. Senario yang berlaku dalam Budaya Sarapan Malaysia ini menunjukkan bahawa makanan telah menjadi satu elemen penting yang mempengaruhi perkembangan budaya masyarakat di Malaysia selain berperanan sebagai penghubung kesepaduan sosial masyarakat pelbagai etnik.

Selain itu, makanan yang memainkan peranan dalam budaya ini juga telah lama menjadi “signature” yang melambang identiti Malaysia terutamanya kepada pelancong dari luar negara. Menu ini bukan sahaja dengan mudah boleh didapati di Malaysia, malahan juga dikenali, dijual dan dipromosikan hingga di luar negara sebagai hidangan sarapan pagi tradisi rakyat Malaysia.

Pengiktirafan diperingkat Nasional yang telah diberikan kepada Nasi Lemak, Roti Canai dan Teh Tarik sebagai Makanan Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) juga membuktikan bahawa makanan sarapan pagi ini juga mempunyai kepentingan kepada sejarah serta perkembangan sosio-budaya masyarakat di Malaysia.

Pengamalan Budaya Sarapan Malaysia telah menonjolkan sisi positif keharmonian hidup rakyat yang mengamalkan sikap toleransi, bersatu, saling menghormati dan boleh mengadaptasi budaya makan masyarakat yang berbeza kaum. Budaya ini telah memberi impak besar dalam hubungan sosial masyarakat serta mencerminkan kekuatan dalaman Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum namun masyarakatnya boleh menjalani kehidupan dalam suasana yang harmoni.

## **5. PERLINDUNGAN KEPADA BUDAYA SARAPAN MALAYSIA**

Pelbagai pihak dan ahli masyarakat telah memainkan peranan penting untuk melestarikan serta melindungi Budaya Sarapan Malaysia. Perkembangan Budaya Sarapan Malaysia telah dipengaruhi oleh penglibatan secara langsung daripada semua anggota masyarakat yang bertindak sebagai pengamalnya. Penyebaran dan perkembangan budaya ini telah berlaku dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik terdiri daripada Melayu, Cina, India, selain kumpulan etnik lain di seluruh Malaysia tanpa ada sempadan jantina atau usia.

Perlindungan kepada Budaya Sarapan Malaysia telah dilakukan secara aktif oleh pembawa atau pengamal yang boleh terdiri daripada kaum lelaki atau perempuan dalam kalangan individu dan anggota keluarga; komuniti tempatan yang berperanan sebagai pelanggan atau pembeli makanan; pakar makanan; persatuan makanan; tukang masak; ahli akademik; NGO; pengusaha makanan termasuklah pengusaha gerai tepi jalan, restoran, hotel, dan sebagainya.

Penerusan ilmu dan kemahiran mengenai Budaya Sarapan Malaysia telah disebarkan oleh generasi tua ke generasi muda melalui pelbagai pendekatan. Antara kaedah yang telah digunakan ini termasuklah mewariskan ilmu dan kemahiran budaya ini secara tidak formal melalui pembelajaran secara terus daripada ahli keluarga, atau secara formal melalui platform pendidikan. Usaha ini dilakukan adalah bagi memastikan budaya makan ini dapat terus dihidupkan dan dilestarikan oleh komuniti pengamalnya.